



Panduan Produk Set Kepala Wayarles Vocollect

September 2015

ETP.PG.5011.2015.09

Notis

Tentang Dokumentasi Honeywell

© Hak Cipta 1987-2015 Honeywell International Inc. Hak cipta terpelihara. Honeywell dan nama produknya adalah antara cap dagang dan/atau tanda perkhidmatan yang dimiliki oleh Honeywell International, Inc. atau syarikat-syarikat subsidiarinya.

Diterbitkan Oleh

Honeywell Vocollect Solutions
703 Rodi Road Pittsburgh, PA 15235
+1 412 829-8145
faks +1 412 829-0972
<http://www.vocollectvoice.com>

Kerahsiaan

Dokumentasi ini menyediakan maklumat untuk pelanggan Honeywell yang menggunakan produk Honeywell.

Bagi kegunaan pekerja, rakan niaga dan pelanggan Honeywell. Semua reka bentuk dan maklumat teknikal peralatan yang terkandung dalam dokumen ini merupakan harta sulit Honeywell. Tiada penggunaan atau pendedahannya boleh dibuat tanpa kebenaran bertulis daripada Honeywell.

Amaran dan Penafian

Honeywell International Inc. ("HII") berhak untuk mengubah spesifikasi dan maklumat lain yang terkandung dalam dokumen ini tanpa notis terlebih dahulu, dan pembaca harus merujuk kepada HII dalam semua kes untuk menentukan sama ada apa-apa perubahan sedemikian telah dilakukan.

Maklumat dalam penerbitan ini tidak menggambarkan komitmen bagi pihak HII. HII tidak akan bertanggungjawab terhadap ralat atau ketinggalan teknikal atau editorial yang terkandung di dalam ini; mahupun terhadap kerosakan sampingan atau lanjutan yang timbul daripada pembekalan, prestasi atau penggunaan bahan ini.

Dokumen ini mengandungi maklumat proprietari yang dilindungi oleh hak cipta. Hak cipta terpelihara.

Tiada bahagian dalam dokumen ini boleh dibuat salinan foto, dihasilkan semula atau diterjemahkan ke dalam bahasa lain tanpa izin bertulis terlebih dahulu daripada HII.

Kandungan

Bab 1: Pengenalan.....	7
Peranti dan Set Kepala Talkman.....	7
Garis Panduan Keselamatan Am.....	8
Keselamatan Bateri Honeywell.....	9
Maklumat Hubungan.....	10
Paten dan Harta Intelektual.....	11
 Bab 2: Set Kepala Wayarles Vocollect.....	 13
Set Kepala Wayarles Vocollect SRX.....	14
Mengecas Set Kepala SRX.....	15
Set Kepala Wayarles Vocollect SRX2.....	16
Reka Bentuk Modular SRX2.....	17
Memasang Modul Elektronik SRX2 pada Cekak Kepala.....	18
Menanggalkan Modul Elektronik SRX2 daripada Cekak Kepala.....	19
Mengecas Set Kepala SRX2.....	19
Memakai Set Kepala Wayarles SRX2.....	21
Fungsi Set Kepala dan Corak LED untuk SRX2.....	24
Set Kepala Topi Keselamatan Vocollect SRX2.....	26
Memasang Klip Topi Keselamatan SRX2.....	27
Memasang SRX2 pada Topi Keselamatan.....	28
Memakai Set Kepala Topi Keselamatan SRX2.....	28
Menyimpan Set Kepala Topi Keselamatan SRX2.....	29
Menggantikan Pad Telinga pada Set Kepala Topi Keselamatan atau Hingar Tinggi SRX2.....	30
Set Kepala Hingar Tinggi Vocollect SRX2.....	31
Menggantikan Pad Telinga pada Set Kepala Topi Keselamatan atau Hingar Tinggi SRX2.....	32
Pilihan untuk Pengguna Cacat Pendengaran.....	32
Tentang Set Kepala Wayarles Berpasangan.....	33
Memasangkan Set Kepala SRX.....	36
Memasangkan Set Kepala SRX2.....	36
Lebih Lanjut tentang Mod Berpasangan SRX/SRX2.....	39
Memutuskan Pasangan.....	40
Soalan Lazim Berpasangan Set Kepala.....	40
Prosedur Pembersihan Peralatan Honeywell.....	41
Membersihkan Bahagian Plastik.....	41
Membersihkan Sentuhan.....	42
Penjagaan dan Penggunaan Set Kepala dan Mikrofon.....	42
 Bab 3: Pengecas.....	 45

Pengecas Bateri Set Kepala SRX.....	45
Tentang Penunjuk LED.....	45
Pengecas Bateri Set Kepala SRX2.....	46
Pengecas Bateri SRX2 Lekapan Dinding.....	46
Tentang Penunjuk LED.....	49

Bab 4: Menyelesaikan Masalah Peralatan.....51

Saya Tidak Dapat Mendengar Apa-apa melalui Set Kepala.....	51
Menyelesaikan Masalah yang Ditunjukkan oleh LED.....	51
Menghubungi Sokongan Teknikal.....	52
Maklumat Am yang Diperlukan untuk Kebanyakan Permintaan Sokongan	52
Soalan Lazim yang perlu Dijawab apabila Menghubungi Sokongan.....	52
Tentang Menghantar Balik Peralatan untuk Pembaikan.....	52
Membungkuskan Item untuk Dipulangkan kepada Honeywell.....	53
Menghantar Balik Peralatan untuk Pembaikan: Prosedur Kebenaran Bahan Pemulangan (RMA).....	53

Lampiran A: Spesifikasi.....55

Spesifikasi Set Kepala Wayarles SRX.....	55
Spesifikasi Bateri SRX.....	55
Spesifikasi Pengecas Bateri Set Kepala SRX.....	56
Spesifikasi Set Kepala Wayarles SRX2.....	57
Spesifikasi Set Kepala Hingar Tinggi SRX2.....	57
Spesifikasi Set Kepala Topi Keselamatan SRX2.....	58
Spesifikasi Bateri SRX2.....	58
Spesifikasi Pengecas Bateri Set Kepala SRX2.....	59

Lampiran B: Nombor Bahagian.....61

Nombor Bahagian: Set Kepala Wayarles.....	61
Nombor Bahagian: Aksesori Set Kepala Wayarles.....	61
Nombor Bahagian: Pengecas.....	63

Lampiran C: Pematuhan.....65

Bab 1

Pengenalan

Dokumentasi Perkakasan dan Panduan Produk Vocollect mengandungi maklumat menyeluruh tentang produk perkakasan dan persisian.

Dokumen ini merangkumi maklumat berikut:

- Maklumat keselamatan
- Spesifikasi perkakasan
- Prosedur pemasangan dan arahan pengendalian asas untuk perkakasan Vocollect dan/atau peranti pihak ketiga yang serasi dengan persisian Vocollect
- Nombor bahagian
- Pernyataan kawal selia dan pematuhan
- Panduan penyelesaian masalah

Khalayak

Dokumen ini bertujuan untuk digunakan sebagai sumber rujukan oleh penjual berdaftar, wakil jualan, pelanggan dan pengguna perkakasan tersebut.

Peranti dan Set Kepala Talkman

Peranti Vocollect Talkman™ ialah terminal sesuai dipakai yang digunakan dengan set kepala Vocollect untuk membolehkan kerja arahan suara. Pengendali mendengar arahan daripada peranti ini untuk melakukan tugas seperti mendapatkan pesanan dari gudang dan pemeriksaan lantai kilang, kemudian menyebut frasa ringkas untuk memasukkan data.

Semua peranti Talkman membolehkan tangan pengendali bebas untuk memeriksa item, mengambil produk, memandu kenderaan atau membaiki kecacatan.

Peranti Kumpulan Produk Talkman A700, A500, Siri T5 dan Siri T2

Model-model peranti ini merupakan terminal tahan lasak yang direka bentuk untuk kegunaan industri. Peranti ini dipasang pada tali pinggang atau abah-abah bahu tersuai, bergantung pada jenis peranti, dilengkapi dengan klip yang direka bentuk khas.

Talkman A500 VMT (Vehicle Mounted Talkman) dan T5 VMT ialah peranti A500 dan T5 dengan penyesuai bateri yang dilekapkan pada kenderaan gudang seperti forklift. Selepas peranti dilekapkan, penyesuai bateri diletakkan ke dalam ruang bateri peranti dan disambungkan ke sumber kuasa kenderaan.

Talkman T1

Talkman T1 telah direka bentuk khas untuk persekitaran industri ringan dan tugas ringan. Peranti Talkman T1 merupakan alternatif yang lebih ringan dan kos lebih rendah kepada peranti siri T2, siri T5, A500 dan siri A700. Ia bertujuan untuk digunakan di kawasan yang anda tidak memerlukan peranti yang amat tahan lasak. Peranti Talkman T1 muat di dalam pemegang tersuai dengan klip tali pinggang.

Set Kepala Pengecaman Pertuturan

Set kepala pengecaman pertuturan Vocollect dengan mikrofon membolehkan pengendali mendengar arahan atau soalan daripada peranti. Pengendali bercakap kepada peranti untuk meminta maklumat dan memasukkan data dengan menjawab gesaan peranti.

Menggunakan Pengecaman Pertuturan Mudah Suai™, set kepala menerangkan perubahan dalam corak percakapan melalui masa dan dalam persekitaran yang berbeza untuk memperbaiki pengecaman suara dan prestasi sistem.

Penggunaan dan Penjagaan Produk

- Peranti Talkman dipasang mengikut garis panduan pembuatan Vocollect yang tegas. Mengubah peranti dalam apa jua cara akan membatalkan spesifikasi pengendalian yang diterbitkan dan boleh membatalkan waranti produk.
- Apabila Talkman tidak digunakan, ia harus diletakkan ke dalam pengecas dengan betul.
- Jangan sekali-kali dikeluarkan bateri daripada peranti Talkman kecuali kuasanya telah betul-betul dimatikan.
- Peranti Talkman direka bentuk untuk dipakai di sebelah kanan badan dengan butang peranti pada bahagian atas (siri T5, siri T2, A500, siri A700) atau menghadap ke depan (T1) dan penyambungannya ke arah belakang pengendali (A500, siri T5, siri T2, siri A700) atau menghadap ke atas (T1).
- Talkman T1 mesti diletakkan ke dalam pemegang dengan bukaan pemegang menghadap ke atas. Meletakkannya ke dalam pemegang dengan bukaan pemegang menghadap ke bawah atau ke sisi akan menimbulkan risiko unit terjatuh.
- Sentiasa gunakan pad dan penutup mikrofon dengan set kepala Vocollect untuk melindungi peralatan dan memastikan prestasi pengecaman pertuturan optimum.
- Honeywell mengesyorkan supaya menukar penutup mikrofon set kepala setiap 90 hari untuk memastikan prestasi terbaik.

 **Awas:** Gunakan **hanya** larutan 70% isopropil alkohol dan 30% air untuk membersihkan bahagian plastik keras pada peralatan. Produk-produk lain belum lagi diuji dan boleh merosotkan peralatan.



Garis Panduan Keselamatan Am

Ikut garis panduan ini apabila bekerja dengan peralatan elektrik Honeywell:

- Peralatan terbumi mesti dipalamkan ke dalam saluran keluar, dipasang dengan betul dan dibumikan menurut semua kanun dan ordinan.
- Jangan sekali-kali tanggalkan cemat bumi atau ubah suai palam dalam apa jua cara.
- Jangan gunakan penyesuai palam.
- Semak dengan penguji yang diluluskan atau juruelektrik yang berkeelayakan jika anda percaya saluran keluar mungkin tidak dibumikan dengan betul.
- Pastikan semua sambungan elektrik sentiasa kering dan tidak tercedah lantai.
- Jangan dedahkan peralatan elektrik kepada hujan atau keadaan basah.
- Jangan sentuh palam atau peralatan dengan tangan basah.
- Jangan salah gunakan kord; jangan angkat peralatan melalui kordnya dan jangan sekali-kali tarik kord untuk menanggalkan palamnya dari saluran keluar. Jauhkan kord daripada haba, minyak, tepi yang tajam atau bahagian bergerak. Gantikan kord yang rosak dengan segera.
- Gunakan hanya kord pemanjangan yang diluluskan.

Apabila menggunakan peranti pengimbasan atau pengimej, jangan pandang terus pada pancaran cahaya.

Pernyataan Pematuhan Agensi

Peranti dan set kepala wayarles Honeywell Vocollect Solutions direka bentuk agar mematuhi undang-undang dan peraturan di lokasi produk-produk ini dijual dan dilabelkan sebagai wajib. Peranti Honeywell merupakan jenis yang diluluskan dan tidak memerlukan pengguna mendapatkan lesen atau kebenaran sebelum menggunakannya. Perubahan atau pengubahsuaian yang tidak diluluskan dengan nyata oleh Honeywell boleh membatalkan kuasa pengguna untuk mengendalikan peralatan.

Keselamatan Bateri Honeywell

Penggunaan bateri dengan cara yang salah boleh menyebabkan kepanasan, kebakaran, letupan, kerosakan atau keupayaan bateri berkurangan. Baca dan ikut arahan pengendalian bateri sebelum dan semasa penggunaan.

Berikut disenaraikan langkah berjaga-jaga dan garis panduan umum sahaja, dan dengan demikian mungkin tidak merangkumi semua senario penggunaan berpotensi. Pengilang tidak akan bertanggungjawab terhadap tindakan yang diambil atau kemalangan yang disebabkan oleh apa-apa penggunaan yang tidak didokumenkan di bawah.

Amaran:

- Jangan nyahhimpun, buka, jatuhkan (penyalahgunaan mekanikal), hancurkan, bengkokkan, cacatkan, tebuk atau koyakkan bateri.
- Jangan ubah suai atau kilang semula, cuba menyelitkan objek asing ke dalam bateri, rendam atau dedahkan kepada air atau cecair lain, atau dedahkan kepada api, haba berlebihan termasuk besi pematerian, atau letakkan ke dalam ketuhar gelombang mikro.
- Hanya gunakan bateri yang ditetapkan untuk peranti.
- Penggunaan bateri dengan cara yang salah boleh mengakibatkan kebakaran, letupan atau bahaya lain.
- Jangan lakukan litar pintas pada bateri atau biarkan objek logam atau konduksi bersentuhan dengan mana-mana sentuhan bateri secara serentak.
- Gantikan bateri hanya dengan bateri lain yang telah diluluskan oleh Honeywell untuk produk yang anda gunakan. Penggunaan bateri yang tidak diluluskan boleh menimbulkan risiko kebakaran, letupan, kebocoran atau bahaya lain.
- Sentiasa gantikan bateri dalam persekitaran yang bersih dan kering.
- Unit harus dimatikan apabila menggantikan baterinya.
- Sekiranya bateri bocor, jangan biarkan cecair menyentuh kulit atau mata. Jika tersentuh, basuh bahagian terjejas dengan jumlah air yang banyak dan dapatkan nasihat dan rawatan perubatan kecemasan dengan segera.
- Dapatkan nasihat perubatan dengan segera jika tertelan bateri.
- Pada bila-bila masa jika anda nampak bateri mula mengembang atau mengembung, mengeluarkan asap atau menjadi panas apabila disentuh, hentikan proses pengecasan dengan segera dan putuskan sambungan bateri dan pengecas. Perhatikannya dari tempat yang selamat, sebaik-baiknya di luar sebarang bangunan atau kenderaan selama lebih kurang 15 minit.
- Lupuskan bateri terpakai dengan segera menurut peraturan tempatan, negeri dan/atau persekutuan. Syarat dan pilihan amat berbeza di negara-negara yang berbeza dan di kawasan-kawasan yang berbeza di Amerika Syarikat. Banyak lokasi menyediakan kemudahan atau syarikat untuk menerima bateri lama.
- Bateri Honeywell tidak harus digunakan oleh kanak-kanak.
- Honeywell tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh kepincangan tugas peralatan apabila digunakan dengan bateri bukan Honeywell.
- Honeywell tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kerosakan yang disebabkan oleh kepincangan tugas peralatan apabila menggunakan pengecas bukan Honeywell.

**Awas:**

- Apabila bateri dijangka tidak akan digunakan untuk tempoh yang lama, keluarkannya daripada peralatan atau peranti dan simpan pada suhu bilik dengan kelembapan normal.
- Jangan tinggalkan bateri tersambung kepada pengecas untuk tempoh yang lama. Ia boleh menyebabkan kemerosotan prestasi bateri, seperti pemendekan hayat bateri. Ia harus dikeluarkan daripada pengecas dan disimpan seperti yang disyorkan di atas.
- Matikan kuasa peralatan anda apabila tidak digunakan.

Mengendalikan Bateri Terpakai

- Apabila menghantar bateri, letakkan pita atau bahan penebat dengan kukuh menutupi sentuhan bateri untuk mengelakkan sentuhan tidak sengaja semasa dalam perjalanan. Bateri Honeywell boleh dihantar di bawah Peruntukan Khas 188 dalam 49 CFR 172.102 atau pengecualian A45 IATA.
- Jangan sekali-kali nyahhimpun bateri.
- Jangan tinggalkan bateri di bawah cahaya matahari terik atau dedahkan bateri kepada hujan atau air.
- Simpan bateri di dalam bekas tahan lasak dan tutup dengan tudung.

Maklumat Hubungan

Maklum Balas Dokumentasi

Maklum balas anda penting kepada usaha dokumentasi kami. Jika anda mengalami kesukaran dengan mana-mana prosedur yang diterangkan dalam dokumen ini, hubungi Sokongan Teknikal Honeywell Vocollect.

Cari kebanyakan dokumentasi teknikal di VoiceWorld, <https://www.voiceworld.com>.

Perkhidmatan Penjual Honeywell Vocollect

Jika anda membeli peralatan atau perkhidmatan melalui penjual Vocollect, sila hubungi penjual tersebut dahulu untuk mendapatkan sokongan atau mengemukakan soalan tentang belian.

Sokongan Teknikal Honeywell Vocollect

Serahkan insiden atau soalan kepada <http://vocollect.custhelp.com> atau hubungi Sokongan Teknikal Honeywell Vocollect:

Amerika Syarikat Telefon: +1 866-862-7877 E-mel: vocollectsupport@honeywell.com

Amerika (di luar A.S.), Australia, New Zealand Telefon: +1 412-829-8145, pilihan 3, pilihan 1 E-mel: vocollectsupport@honeywell.com

Eropah, Timur Tengah, Afrika Telefon: +44 (0) 1628 55 2902 E-mel: vocollectEMEA@honeywell.com

Jepun dan Korea Telefon: +813 6730 7234 E-mel: vocollectJapan@honeywell.com

Khidmat Pelanggan Honeywell Vocollect

Hubungi Khidmat Pelanggan Honeywell Vocollect untuk membuat pesanan, status pesanan, pemulangan, status Kebenaran Bahan Pemulangan (RMA) atau isu-isu khidmat pelanggan lain:

Amerika Syarikat Telefon: +1 866-862-6553, pilihan 3, pilihan 2 E-mel: vocollectRequests@honeywell.com

Amerika (di luar A.S.), Australia, New Zealand Telefon: +1 412-829-8145, pilihan 3, pilihan 2 E-mel: vocollectRequests@honeywell.com

Eropah, Timur Tengah, Afrika Telefon: +44 (0) 1628 55 2903 E-mel: vocollectCSEMEA@honeywell.com

Jepun dan Korea Telefon: +813 6730 7234 E-mel: vocollectJapan@honeywell.com

RMA Honeywell Vocollect

Untuk memulangkan peralatan untuk pembaikan, hubungi RMA Honeywell Vocollect untuk meminta nombor RMA: E-mel: vocollectRMA@honeywell.com

Pertanyaan Tentang Jualan dan Pertanyaan Umum

Honeywell Vocollect Solutions 703 Rodi Road Pittsburgh, PA 15235-4558 Telefon: +1 412-829-8145 Faks: +1 412-829-0972 vocollectInfo@honeywell.com <http://www.vocollect.com>

Honeywell Vocollect Solutions Eropah Honeywell House Skimped Hill Lane Bracknell, Berkshire RG12 1EB United Kingdom Telefon: +44 (0) 1628.55.2900 vocollectEMEA@honeywell.com

Honeywell Vocollect Solutions Amerika Latin Utara: +52 55 5241 4800 x4915 Selatan: +1 412 349 2477 vocollectLatin_America@honeywell.com

Honeywell Vocollect Solutions Jepun New Pier Takeshiba South Tower 20F 1-16-1 Kaigan, Minato-ku Tokyo 105-0022 Japan Telefon: +813 6730 7234 vocollectJapan@honeywell.com

Honeywell Vocollect Solutions Asia Pasifik 21/F Honeywell Tower Olympia Plaza 255 King's Road North Point, Hong Kong Telefon (Hong Kong): + 852 2331 9133 Telefon (China): + 86 186 1698 7028 Telefon (Australia): + 61 409 527 201 vocollectAsiaPacific@honeywell.com

Honeywell Vocollect Solutions Singapura 151 Lorong Chuan #05-02A/03 New Tech Park, Lobby C Singapore 556741 Telefon (Singapura): +65 6305 2369 vocollectSingapore@honeywell.com

Paten dan Harta Intelektual

Untuk maklumat tentang paten, lihat <http://www.hsmpats.com>.

Bab 2

Set Kepala Wayarles Vocollect

Pengendali menggunakan set kepala dengan mikrofon untuk berinteraksi dengan peranti melalui mendengar dan memberikan respons kepada arahan. Berdasarkan respons pengendali, peranti tersebut menghantar mesej data kembali ke komputer hos.

Set kepala pengecaman pertuturan Vocollect™ SRX dan SRX2 menampilkan penggunaan gred industri Teknologi Wayarles Bluetooth. Set kepala wayarles ini menguruskan kualiti input/output suara, tidak mempunyai kabel untuk disambungkan dan kekal bersambung kepada peranti sehingga jarak sepuluh meter.

 **Nota:** Verify support for your device in the release notes for your version of Vocollect Voice software or contact your Vocollect sales representative.

Ciri-ciri set kepala wayarles Vocollect SRX dan SRX2 termasuk:

- Mikrofon pembatalan hingar dwiarah untuk pembatalan hingar optimum.
- Penutup mikrofon untuk mengurangkan bunyi pernafasan dan hingar latar belakang lain yang boleh menjadikannya sukar untuk peranti memahami hal yang dikatakan oleh pengendali.
- Komponen-komponen terkedap untuk mencegah kakisan.
- Cekak kepala ringan dan berpad untuk menambahkan keselesaan dan kesesuaian yang diperibadikan.
- Cawan sebelah telinga yang berputar secara menegak dan mengufuk dan boleh dipakai pada mana-mana belah telinga.
- Pad telinga busa untuk penggantian yang cepat dan mudah.
- Tuil berputar pada bahagian luar cuping telinga untuk mengalihkan mikrofon ke atas dan ke bawah tanpa memberikan tekanan pada bum mikrofon.
- Kedudukan mikrofon boleh ulang; alur mengunci bum, menempatkannya dalam kedudukan yang betul apabila bum dipusingkan ke bawah untuk penggunaan.

Set kepala dan mikrofon yang digunakan dengan sistem Vocollect Voice merupakan peralatan elektronik yang mudah rosak. Penjagaan dengan cara yang betul akan memastikannya berfungsi dengan baik untuk tempoh yang lama.



Tanda perkataan dan logo Bluetooth dimiliki oleh Bluetooth SIG, Inc. dan apa-apa penggunaan tanda sedemikian oleh Vocollect telah mendapat kebenaran. Cap dagang dan nama dagang lain dimiliki oleh pemilik masing-masing.

Set Kepala Wayarles Vocollect SRX



Rajah 1: Set Kepala Wayarles SRX

Set kepala pengecaman pertuturan Vocollect™ SRX menampilkan penggunaan gred industri Teknologi Wayarles Bluetooth. Set kepala SRX menguruskan kualiti input/output suara dalam set kepala itu sendiri, tidak mempunyai kabel untuk disambungkan dan kekal bersambung kepada peranti sehingga jarak 10 meter.

 **Nota:** SRX tidak disokong dengan Terminal Sesuai Dipakai WT41N0

- Mod berpasangan pada set kepala hanya boleh dimasuki daripada keadaan kuasa dimatikan.
- Paling baik untuk berpasangan dalam kawasan di mana anda berada sekurang-kurangnya tiga kaki jauhnya daripada peranti Bluetooth lain. Ini membantu memastikan agar set kepala anda tidak berpasangan dengan peranti yang salah secara tidak sengaja.
- SRX mengingati berpasangan terakhirnya dan akan menyambung semula hanya dengan peranti itu. Ia tidak akan menjawab kelui atau pertanyaan daripada peranti lain sehingga ia diletakkan dalam mod berpasangan semula.
- Apabila ia tidak berpasangan dengan peranti, kelantangan set kepala SRX hanya boleh dilaraskan menggunakan butang pada set kepala.
- Apabila set kepala SRX berpasangan dengan peranti, kelantangan boleh dilaraskan dengan menekan butang Tambah dan Tolak pada set kepala atau peranti.
- Set kepala SRX mengingati tetapan kelantangan terakhirnya apabila kuasa dimatikan dan dihidupkan semula serta apabila bateri dikeluarkan dan digantikan. Tetapan kelantangan terakhir yang digunakan apabila berpasangan dengan komputer sesuai dipakai disimpan dengan profil pengendali. Aras kelantangan ini akan dikembalikan pada set kepala SRX selepas penyambungan semula. Walau bagaimanapun, kelantangan set kepala mungkin berbeza selepas penyambungan semula jika kelantangan tersebut telah diubah semasa ia tidak disambungkan kepada peranti atau jika pengendali yang berbeza menggunakan set kepala itu.

Tali pengikat mobiliti Velcro™ berpad diikat merentasi bahagian belakang kepala pengguna untuk memberikan kestabilan tambahan.

Mengecas Set Kepala SRX



Rajah 2: Bateri Prestasi Tinggi Set Kepala Wayarles SRX

Bateri Set Kepala Wayarles SRX yang sudah habis sepenuhnya akan dicas penuh semula dalam masa kurang daripada 4 jam.

Bateri Set Kepala Wayarles SRX yang dicas penuh mempunyai 3.7 volt. Apabila cas berkurangan kepada 3.3 volt, pengguna akan mendengar amaran lisan, "Bateri set kepala semakin lemah. Tukar bateri set kepala sekarang (Headset battery is getting low. Change headset battery now)." dan amaran tersebut juga akan dipaparkan dalam nyahpepijat.

Mengecas Bateri Set Kepala Wayarles SRX

! Penting: Sebaik sahaja bateri SRX diletakkan ke dalam pengecas, ia mesti kekal dalam pengecas selama sekurang-kurangnya lima saat. Ini memberikan pengecas masa yang cukup untuk menganalisis keadaan bateri. Mengeluarkan bateri semasa selang masa lima saat ini boleh menyebabkan penunjuk LED pada pengecas memaparkan status bateri yang salah.

Nota: Jangan paksa bateri ke dalam petak. Melakukan demikian boleh mengakibatkan kerosakan pada bateri atau set kepala. Jika bateri tidak masuk dengan mudah ke dalam tempatnya, letakkan semula bateri ke dalam petak dan cuba sekali lagi.

Nota:

- Bateri dicas penuh dan boleh dikeluarkan daripada pengecas apabila penunjuk LED kiri dan kanan untuk slot itu pada pengecas berwarna hijau.
 - Jika anda memasukkan bateri yang dicas penuh ke dalam pengecas, pengecas tersebut akan menganalisis status bateri dan kemudian "menambah" cas bateri itu. Semasa proses ini, penunjuk LED kiri untuk slot itu pada pengecas akan berwarna merah. Ia mungkin mengambil beberapa minit untuk melengkapkan proses ini, pada ketika ini kedua-dua penunjuk LED untuk slot itu bertukar kepada warna hijau.
1. Pastikan pengecas bateri dikuasakan. Penunjuk LED berwarna hijau pada hujung pengecas bateri seharusnya bernyala.
 2. Matikan kuasa set kepala dengan menekan terus butang Tambah dan Tolak pada cuping telinga selama tiga saat dan kemudian keluarkan bateri.
 3. Pegang bateri dengan sentuhannya menghadap ke bawah dan logo Vocollect menghadap anda, kemudian masukkan ke dalam slot yang kosong pada pengecas bateri.
 4. Tekan bateri sehingga ia berada pada tempatnya.
 5. Pastikan bateri duduk dengan kukuh dan tidak dapat dikeluarkan tanpa menekan butang pelepas bateri.

Masa Pemanasan Bateri

Jika bateri telah digunakan dalam persekitaran yang sejuk, ia tidak akan mula mengecas sehingga ia panas secukupnya.

Suhu penggunaan bateri	Anggaran masa pemanasan
-4°C (24.8°F)	6 minit
-10°C (14.0°F)	10 minit
-20°C (-4°F)	22 minit
-30°C (-22°F)	30 minit

Set Kepala Wayarles Vocollect SRX2



Rajah 3: Set Kepala Wayarles SRX2

Set Kepala Wayarles Vocollect SRX2 merupakan set kepala wayarles generasi kedua daripada Vocollect yang telah direka bentuk untuk memberikan ketepatan pengecaman yang lebih baik, berfungsi dalam semua persekitaran dan mewujudkan pengalaman yang lebih selesa untuk pengguna.

Apabila digunakan dengan perisian Vocollect VoiceCatalyst dan VoiceCatalyst MP, set kepala SRX2 dengan Teknologi Vocollect SoundSense™ memberikan faedah pengecaman suara yang signifikan. Teknologi ini boleh meningkatkan kelajuan dan ketepatan, terutamanya dalam persekitaran hingar atau bergerak pantas.

Penonjolan produk tersebut ialah:

- Pengecaman yang lebih baik dengan Teknologi Vocollect SoundSense™ (pemasukan berkurangan sebanyak 50% dengan mikrofon berbilang tatasusunan) apabila digunakan dengan perisian VoiceCatalyst
- Hayat bateri yang disahkan dapat bertahan syif penuh apabila bekerja di dalam penyejuk beku
- Cekak kepala dan modul elektronik berasingan untuk membolehkan perkongsian set kepala
- Ergonomik dan keselesaan dipertingkatkan untuk penggunaan dalam tempoh waktu yang panjang

Selain itu, reka bentuk modular set kepala membolehkan kos setiap pengguna yang lebih rendah melalui perkongsian penggunaan modul elektronik set kepala dalam berbilang syif.

Ciri-ciri lain termasuk:

- Lebih pantas dan lebih mudah untuk berpasangan dengan Teknologi Vocollect TouchConnect™ (dengan peranti didayakan Suara yang dilengkapi dengan pembaca RFID)

- Versi Bluetooth 2.1
- Pengesanan dan pengurusan set kepala dengan VoiceConsole 4.2
- Penunjuk interaksi yang mudah dan intuitif
- Ramalan hayat dan pengurusan bateri set kepala dengan with VoiceConsole 4.2
- Perisian set kepala boleh naik taraf medan untuk tahan masa depan
- Masa respons dan kualiti audio dipertingkatkan
- Kebolehlaraan bertambah untuk lebih kepelbagaian saiz dan bentuk kepala
- Kesyerasian ke belakang dalam mod SRX untuk perisian VoiceClient dan versi VoiceCatalyst yang lebih lama

 **Nota:** Kebanyakan daripada ciri baharu ini boleh didapati hanya dengan VoiceCatalyst 1.2 dan VoiceConsole 4.2 dan lebih baharu.

Reka Bentuk Modular SRX2

Set Kepala Wayarles SRX2 memperkenalkan reka bentuk modular dalam kumpulan produk set kepala Vocollect. Potensi perkongsian penggunaan modul elektronik dalam berbilang syif dapat mengurangkan kos setiap pengguna.

Untuk mengelakkan daripada dijangkiti kuman sesama pengendali apabila berkongsi set kepala, Vocollect mengesyorkan supaya hanya berkongsi modul elektronik. Tetapkan setiap pengendali mempunyai cekak kepala, pad telinga dan tudung mikrofon masing-masing.



Rajah 4: Cekak kepala dan modul elektronik SRX2



Rajah 5: Menanggalkan tudung mikrofon dan menyimpannya dalam saku tudung mikrofon

Berkongsi Set Kepala SRX2

Dengan memisahkan bahagian-bahagian set kepala SRX2 bermodul, pengendali boleh berkongsi modul elektronik dalam operasi berbilang syif.

- Modul elektronik dapat ditanggalkan dengan mudah daripada cekak kepala.
- Tudung mikrofon dapat ditanggalkan daripada modul elektronik dan ditempatkan dalam saku tudung mikrofon pada cekak kepala.
- Modul elektronik boleh dinyahjangkit dengan mengelapnya menggunakan alkohol.

Profil Pengendali dan Set Kepala Kongsi

Perisian Vocollect Voice (VoiceClient dan VoiceCatalyst) berserta dengan VoiceConsole menyediakan ciri yang dipanggil Muat Pengendali Automatik. Ciri ini membolehkan peranti Vocollect mengenal pasti dan memuatkan profil pengendali yang terakhir menggunakan set kepala berdasarkan ID unik modul elektronik.

Dengan pemuatan pengendali automatik, pengendali yang selalu menggunakan set kepala yang sama dapat memulakan syif mereka dengan lebih cepat. Walau bagaimanapun, apabila berbilang pengendali berkongsi modul elektronik, pemuatan pengendali automatik mungkin tidak berkesan.

Menyahdayakan pemuatan pengendali automatik dalam tetapan pakej tugas perisian suara:

1. Menggunakan VoiceConsole, edit pakej tugas yang sedang digunakan.
2. Tetapkan parameter AutoOperatorLoadEnable kepada sifar (0).
3. Simpan perubahan anda dan muatkan pakej terubah suai pada peranti. Lihat *Bantuan VoiceConsole* untuk langkah-langkah terperinci.
4. Pengendali mesti menggunakan butang Tambah (+) atau Tolak (—) untuk menatal senarai pengendali untuk memuatkan profil suara mereka.

Memasang Modul Elektronik SRX2 pada Cekak Kepala

1. Pegang modul elektronik SRX2 dengan kawalan butang menghadap ke arah yang bertentangan dengan cekak kepala.
2. Masukkan pembesar suara di bahagian belakang modul elektronik ke dalam saku hab cuping telinga dengan menjajarkan takuk pada pembesar suara dan saku hab.



Rajah 6: Memasang modul elektronik

3. Tolak modul elektronik ke dalam saku hab sehingga ia duduk dengan kukuh.

Menanggalkan Modul Elektronik SRX2 daripada Cekak Kepala

! Penting: Jangan picit selak bateri pada sisi modul elektronik semasa menanggalkannya daripada cekak kepala. Bateri mungkin terlepas daripada modul elektronik secara tidak sengaja.

1. Genggam modul elektronik *SRX2* dengan sebelah tangan, menekan ibu jari dan hujung jari-jari anda ke dalam ruang di antara modul elektronik dan hab cuping telinga.
2. Dengan sebelah tangan yang lain, pegang cekak kepala melalui hab cuping telinga.
3. Tarik modul elektronik keluar daripada hab cuping telinga.

Mengecas Set Kepala SRX2



Rajah 7: Bateri Prestasi Tinggi Set Kepala Wayarles SRX2

Set Kepala Wayarles SRX2 dikuasakan oleh pek bateri ion litium yang boleh dicas semula.

Bateri *Set Kepala Wayarles SRX2* yang sudah habis sepenuhnya akan dicas penuh semula dalam masa kurang daripada 6 jam. Pengguna set kepala akan mendengar amaran berikut apabila cas bateri rendah.

Keadaan Bateri	Amaran Audio
Apabila voltan bateri rendah	"Bateri set kepala semakin lemah (Headset battery is getting low)."
Apabila voltan bateri amat rendah dan sudah hendak dimatikan	"Bateri set kepala semakin lemah. Tukar bateri set kepala sekarang (Headset battery is getting low. Change headset battery now)."

Mengecas Bateri Set Kepala Wayarles SRX2

! Penting: Sebaik sahaja bateri *SRX2* diletakkan pada port dalam pengecas, ia mesti kekal dalam pengecas selama sekurang-kurangnya lima saat. Ini memberikan pengecas masa yang cukup untuk menganalisis keadaan bateri. Mengeluarkan bateri semasa selang masa lima saat ini boleh menyebabkan penunjuk LED pada pengecas memaparkan status bateri yang salah.

 Nota:

- Bateri dicas penuh dan boleh dikeluarkan daripada pengecas apabila lampu penunjuk LED lingkaran untuk port itu pada pengecas tersebut berwarna hijau.
 - Jika anda memasukkan bateri yang dicas penuh ke dalam pengecas, pengecas tersebut akan menganalisis status bateri dan kemudian "menambah" cas bateri itu. Lampu penunjuk LED lingkaran untuk port itu akan berwarna kuning semasa proses ini. Apabila lengkap, penunjuk LED lingkaran akan bertukar kepada warna hijau.
1. Pastikan pengecas bateri dikuasakan. Untuk menghidupkan kuasa pengecas, sambungkan bekalan kuasa ke pengecas dan sumber kuasa. Lampu penunjuk LED di bahagian bawah sebelah kanan panel muka pengecas haruslah berwarna hijau padu.
 2. Matikan kuasa set kepala dengan menekan terus butang Kuasa pada modul elektronik selama lebih kurang satu saat.
 3. Keluarkan bateri daripada modul elektronik set kepala.
 4. Pegang bateri dengan logo Vocollect menghadap anda, kemudian tolakkannya ke dalam port yang kosong pada pengecas bateri sehingga ia berada pada tempatnya.
 5.  **Nota:** Lihat carta pada [Penunjuk LED Pengecas Bateri SRX2](#) untuk maklumat lanjut tentang corak LED.

Pastikan bahawa bateri dilekapkan dengan betul pada port pengecas. Lampu penunjuk LED lingkaran akan bertukar kepada warna kuning atau hijau apabila sentuhan bateri menyentuh sentuhan port pengecas. Jika LED lingkaran berkelip warna merah, bateri tidak berada dalam kedudukan yang betul. Keluarkan bateri dan lekapkan pada port sekali lagi.

6. Apabila penunjuk LED lingkaran bertukar kepada warna hijau padu, bateri dicas penuh. Tarik keluar bateri daripada port pengecas untuk memasukkannya ke dalam modul elektronik set kepala SRX2.

Memasukkan Bateri ke dalam Set Kepala Wayarles SRX2

1. Pastikan bateri bercas. Bateri dicas penuh dan boleh dikeluarkan daripada pengecas apabila penunjuk lingkaran LED pada port pengecas untuk bateri itu berwarna hijau.
2. Pegang modul elektronik set kepala dengan butang menghadap anda.
3. Pegang bateri dengan bahagian label ke bawah dan sentuhan menghadap hujung terbuka modul elektronik bertentangan dengan bum mikrofon.
4. Tolak bateri ke modul elektronik sehingga ia masuk ke dalam tempatnya.



5. Pastikan bateri duduk dengan kukuh dan tidak dapat dikeluarkan tanpa menekan selak pelepas bateri.

⚠️ Amaran: Gantikan bateri hanya dengan bateri lain yang telah diluluskan oleh Honeywell untuk produk yang anda gunakan. Penggunaan bateri yang tidak diluluskan boleh menimbulkan risiko kebakaran, letupan, kebocoran atau bahaya lain. Lihat juga [Keselamatan Bateri Honeywell](#)

Mengeluarkan Bateri daripada Set Kepala Wayarles SRX2

⚠️ Penting: Jangan keluarkan bateri daripada set kepala SRX2 sehingga penunjuk LED pada set kepala telah padam.

1. Matikan kuasa set kepala dengan menekan terus butang Kuasa pada modul elektronik selama satu saat.
2. Genggam set kepala melalui sisi modul elektronik dengan ibu jari dan jari-jari anda pada selak bateri berwarna hitam.



Rajah 8: Selak Bateri untuk Mengeluarkan Bateri SRX2

3. Dengan sebelah tangan anda yang lain, pegang bateri pada hujung modul elektronik bertentangan dengan bum mikrofon.
4. Tekan terus kedua-dua selak bateri pada masa yang sama, memicitnya ke dalam sisi modul elektronik sehingga bateri terlepas daripada modul elektronik.

Masa Pemanasan Bateri SRX2

Jika bateri telah digunakan dalam persekitaran yang amat panas atau amat sejuk, pengecasan tidak akan bermula dengan segera.

Apabila bateri diletakkan dalam pengecas, penunjuk LED port bateri akan bertukar kepada warna kuning. Pengecasan hanya akan bermula selepas bateri tersebut mencecah julat suhu yang sesuai - 32° F (0° C) hingga 104° F (40° C). Ia mungkin mengambil masa sehingga 30 minit untuk bateri mencecah suhu yang selamat.

Jika suhu bateri tidak mencecah julat itu dalam masa lebih kurang sejam, LED berwarna merah akan berkelip menunjukkan bahawa terdapat kerosakan pengecas.

Memakai Set Kepala Wayarles SRX2

1. Pakai set kepala dan laraskan pad telinga supaya muat elok-elok pada telinga anda.



Rajah 9: Memakai set kepala SRX2

2. Tempatkan bar T betul-betul di atas dan seberapa dekat yang boleh pada telinga anda yang lain.
3. Jika dipasang, laraskan tali pengikat kestabilan supaya ia terikat dengan kukuh merentasi bahagian belakang kepala anda.
4. Putarkan modul elektronik ke atas atau ke bawah untuk menempatkan mikrofon dekat dengan mulut anda.



Rajah 10: Mengalihkan Mikrofon Ke Kedudukan

5. Buat pelarasan terakhir dengan bum fleksibel supaya mikrofon ditempatkan dengan betul. Tempatkan mikrofon seberapa dekat yang boleh ke mulut anda, tetapi di luar arus udara anda. Ia harus menghadap bibir atas anda dan tidak menyentuh apa-apa (contohnya, pakaian, kulit atau bulu roma muka).

Memasang Tali Pengikat Kestabilan pada Set Kepala Wayarles SRX2

1. Pegang set kepala supaya pad telinga menghadap anda dan modul elektronik menghadap arah yang bertentangan.
2. Cari tombol pada bahagian dalam cekak kepala dekat dengan pad telinga.
3. Pegang tali pengikat supaya hujung dengan lubang muat di atas tombol pada cekak kepala dan tekan dengan erat agar tombol menembusi lubang sepenuhnya.



Rajah 11: Menekan tali pengikat pada bahagian pad telinga cekak kepala

4. Pusingkan set kepala supaya pad bar T menghadap anda.
5. Cari slot pada hujung cekak kepala dekat dengan bar T.
6. Jajarkan tombol pada hujung bebas tali pengikat dengan slot pada cekak kepala.
7. Gelongsorkan tombol ke dalam slot sehingga ia berada pada tempatnya.



Rajah 12: Memasukkan tali pengikat ke dalam slot cekak kepala

8. Tempatkan tali pengikat untuk melingkari bahagian belakang kepala anda. Tali pengikat berpusing dengan bebas pada dua tombol supaya ia boleh ditempatkan di bahagian belakang kepala untuk membolehkan set kepala dipakai pada telinga kanan atau telinga kiri.

Menggantikan Pad Telinga pada Set Kepala SRX2

1. Pegang set kepala supaya pad telinga menghadap anda dan modul elektronik menghadap arah yang bertentangan.
2. Genggam pad telinga dan pemasangan plat pad telinga dan putarkannya ke kiri untuk membuka kunci plat tersebut daripada cekak kepala.
3. Angkat pad dan pemasangan plat keluar daripada cekak kepala.
4. Pasang pad penggantian.
 - a) Tanggalkan pad telinga dengan menariknya keluar daripada plat pad telinga.
 - b) Gelongsorkan satu sisi pad baharu pada pinggir plat pad telinga dan perlahan-lahan regangkan pad sehingga ia menutupi plat.
 - c) Pastikan bahawa bibir pad baharu menutupi sepenuhnya plat pad telinga di sekelilingnya.



Rajah 13: Memasang pad telinga baharu

- 5. Letakkan pad telinga baharu dan pemasangan plat pad telinga pada cuping telinga set kepala.
- 6. Putarkan pemasangan ke kanan menekan perlahan-lahan ke dalam cuping telinga sehingga pemasangan terkunci pada tempatnya.

Fungsi Set Kepala dan Corak LED untuk SRX2



Rajah 14: Antara Muka Pengguna SRX2

Fungsi Set Kepala	Tindakan Pengguna	Mod Set Kepala	Corak LED	Nada
Hidup kuasa	Tekan butang Kuasa selama setengah saat	Set kepala dihidupkan dalam mod berpasangan kuasa rendah	Hijau padu	Bip dua kali pic tinggi
Mati kuasa	Tekan terus butang Kuasa selama satu saat	Set kepala dimatikan	Hijau padu, kemudian padam ! Penting: Jangan keluarkan bateri sehingga LED telah padam.	Bip dua kali pic rendah
Meninggikan kelantangan	Tekan butang Tambah (+)	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan	Dua nada jujukan menaik. Jika

Fungsi Set Kepala	Tindakan Pengguna	Mod Set Kepala	Corak LED	Nada
				bersambung, peranti menyebut "lebih kuat (louder)".
Mengurangkan kelantangan	Tekan butang Tolak (-)	Tidak Berkaitan	Tidak Berkaitan	Dua nada jujukan menurun. Jika bersambung, peranti menyebut "lebih perlahan (softer)".
Paksa putus sambungan untuk berpasangan secara manual dalam mod kuasa rendah	Dengan set kepala bersambung, tekan butang Tambah (+) dan Tolak (-)	Set kepala memutuskan sambungan berpasangan semasa dan memasuki mod berpasangan kuasa rendah	Hijau padu	Tiada nada apabila memasuki mod. Tiga nada menaik apabila berpasangan dengan peranti
Tukar kepada berpasangan kuasa tinggi apabila berpasangan dalam mod kuasa rendah gagal	Dengan set kepala dalam mod berpasangan, tekan butang Tambah (+) dan Tolak (-)	Set kepala memasuki mod berpasangan kuasa tinggi  Nota: Mod ini disyorkan hanya jika berpasangan kuasa rendah gagal.  Nota: Vocollect tidak mengesyorkan mod berpasangan ini untuk peranti Talkman. Mod ini amat meninggikan kemungkinan bahawa set kepala anda akan berpasangan dengan peranti yang salah.	Pancaran pantas, kemudian hijau padu	Tiada nada apabila memasuki mod. Tiga nada menaik apabila berpasangan dengan peranti
Operasi biasa, berpasangan dan bersambung	Tidak Berkaitan	Set kepala bersambung sebagai peranti hamba	Pancaran perlahan berwarna biru (bernyala 25%, padam 75%)	Tiga nada menaik apabila menyambung dengan peranti tuan
Berpasangan tetapi sambungan terputus, mungkin di luar lingkungan	Tidak Berkaitan	Set kepala boleh disambung tetapi tidak boleh ditemui. Mana-mana peranti Bluetooth boleh menyambung jika ia tahu alamat set kepala.	Pancaran perlahan berwarna hijau (bernyala 25%, padam 75%)	Tiga nada menurun apabila sambungan ke peranti tuan terputus
Kemas kini perisian set kepala	Sambungkan set kepala ke	Kemas kini peranti	Biru padu apabila dipasang palam, padam semasa	Tidak Berkaitan

Fungsi Set Kepala	Tindakan Pengguna	Mod Set Kepala	Corak LED	Nada
	komputer yang menjalankan Alat Kemas Kini Perisian Set Kepala Vocollect		kemas kini, kembali kepada biru padu apabila kemas kini lengkap	

Set Kepala Topi Keselamatan Vocollect SRX2

Dalam persekitaran di mana pengendali mesti memakai topi keselamatan, set kepala yang merentasi kepala bukanlah pilihan yang dapat dilaksanakan. Set Kepala Topi Keselamatan Vocollect® SRX2 mempunyai klip terbina dalam yang melekatkan cuping telinga, modul elektronik dan mikrofon SRX2 pada kebanyakan topi keselamatan industri. Set Kepala Topi Keselamatan menyokong kebanyakan model topi keselamatan yang biasanya digunakan di Amerika Syarikat, Eropah dan Jepun.



Rajah 15: Set Kepala Topi Keselamatan SRX2

Apabila menggunakan ciri TouchConnect™ untuk memasang Set Kepala Topi Keselamatan SRX2 dengan peranti Talkman Siri A700, anda boleh mendapatkan ID pengendali dengan menyentuhkan peranti tersebut ke simbol  yang berada di bahagian luar cawan telinga set kepala.

Memasang Klip Topi Keselamatan SRX2

Set kepala Topi Keselamatan SRX2 dipasang pada sisi topi keras menggunakan klip yang mesti dilekapkan pada topi keselamatan. Vocollect menawarkan dua gaya klip, satu daripadanya direka bentuk untuk dimasukkan ke dalam slot topi keselamatan dan satu lagi yang melekap pada bibir sisi topi keselamatan tidak berslot. Klip topi keselamatan lain boleh dibeli dan digunakan dengan syarat bahawa ia sesuai dengan topi keselamatan dan dipasang dengan betul pada cawan telinga SRX2. Penjual seperti Howard Leight™ menawarkan produk-produk ini.


 **Nota:** Klip topi keselamatan tidak direka bentuk untuk ditanggalkan dengan kerap. Ia mungkin perlu untuk memesan klip tambahan jika pengguna bercadang untuk memakai cawan telinga set kepala pada sebelah kiri dan kanan bersilih ganti.

- **Memasukkan klip lekapan berslot pada topi keselamatan**
 - a) Letakkan klip dengan tab menghala ke dalam slot pada sisi topi keselamatan.
 - b) Sudut klip harus mengikut garis bentuk topi keselamatan dengan penyumbat getah pada bahagian belakang klip menghadap topi keselamatan.
 - c) Jajarkan tab klip untuk muat ke dalam slot.



Rajah 16: Memasukkan Klip ke dalam Slot Topi Keselamatan

- d) Gelongsorkan klip ke dalam slot sehingga tab berada pada tempatnya dan duduk dengan kukuh.
- **Melekapkan klip lekapan bibir pada topi keselamatan**
 - a) Longgarkan skru yang mengukuhkan dua pendakap klip pada klip tersebut. Untuk topi yang mempunyai bibir besar, pendakap mungkin perlu ditanggalkan sepenuhnya supaya dapat muatkannya pada bibir tanpa klip berada pada tempatnya.
 - b) Dari bahagian bawah topi, gelongsorkan pendakap pada bibir. Jika pendakap telah ditanggalkan, gelongsorkan hujung pendakap kembali di bawah skru dalam klip.
 - c) Letakkan klip pada bahagian luar topi keselamatan, berpusat pada sisi topi.



Rajah 17: Melekapkan klip lekapan bibir pada topi keselamatan

- d) Ketatkan skru untuk mengukuhkan pendakap dan klip pada topi keselamatan.
- **Menanggalkan klip daripada topi keselamatan**
 - a) Untuk klip lekapan berslot, tolak masuk hujung lengan berspring dari bahagian bawah topi sehingga ia muat kembali melalui slot. Mungkin perlu menggunakan alat untuk mengumpul lengan daripada kedudukan terpasangnya.
 - b) Untuk klip lekapan bibir, longgarkan skru pendakap dan gelongsorkan pendakap dan klip keluar daripada topi keselamatan.

Memasang SRX2 pada Topi Keselamatan

Dengan klip Set Kepala Topi Keselamatan SRX2 dilekapkan pada sisi topi keselamatan, pemasangan garpu dan cakera set kepala masuk dengan kukuh pada topi.

1. Masukkan cakera ke dalam klip topi keselamatan dari atas.
2. Gelongsorkan cakera ke dalam klip sehingga ia berada pada tempatnya.



Rajah 18: Memasang set kepala pada topi keselamatan

Untuk menanggalkan set kepala, tekan tab di bahagian atas klip topi keselamatan untuk melepaskan cakera daripada klip. Kemudian gelongsorkan cakera ke atas dan keluar daripada klip. Mungkin perlu menggunakan alat seperti pemutar skru kepala rata untuk menekan tab.

Memakai Set Kepala Topi Keselamatan SRX2

Pemasangan garpu dan cakera Set Kepala Topi Keselamatan SRX2 mempunyai dua kedudukan kunci yang membolehkan pemakaian, penanggalan dan penyimpanan mudah topi keselamatan dengan set kepala terpasang. Kedudukan dalam mengekalkan cawan telinga dengan selesa pada telinga; kedudukan luar membolehkan set kepala berputar dalam klip tanpa menghauskan bahagian-bahagian set kepala atau topi keselamatan.

1. Pegang topi keselamatan dengan kukuh.
2. Tolak masuk cawan telinga ke arah bahagian kepala topi sehingga ia berada pada kedudukan dalamnya.



Rajah 19: Kedudukan kunci set kepala

3. Gelongsorkan topi keselamatan pada kepala anda, menarik keluar cawan telinga jika perlu, kemudian tempatkan topi supaya pad telinga duduk dengan selesa pada telinga anda.
4. Jika pad telinga duduk terlalu rendah atau tinggi pada telinga anda, tanggalkan topi keselamatan dan laraskan cawan telinga dengan menarik atau menolak lengan garpu keluar atau ke dalam sarung garpu.



Rajah 20: Melaraskan ketinggian cawan telinga

5. Masukkan modul elektronik SRX2 ke dalam saku pada cawan telinga dengan menjajarkan takuk pada pembesar suara dan saku cawan telinga.
6. Tolak modul elektronik ke dalam saku cawan telinga sehingga ia duduk dengan kukuh.

Menyimpan Set Kepala Topi Keselamatan SRX2

Vocollect mengesyorkan supaya menyimpan topi keselamatan dengan cawan telinga set kepala dialihkan ke atas pada sisi topi keselamatan (lihat rajah di bawah) untuk mengurangkan risiko kerosakan.

1. Tanggalkan modul elektronik daripada set kepala SRX2. Modul elektronik boleh digunakan oleh pekerja lain atau disimpan secara berasingan.
2. Tanggalkan tudung mikrofon daripada modul elektronik dan tempatkannya dalam saku tudung mikrofon yang terletak di atas cawan telinga set kepala.



Rajah 21: Menempatkan tudung mikrofon (Set Kepala Topi Keselamatan atau Hingar Tinggi SRX2)

3. Tarik cawan telinga dan pemasangan garpu ke arah yang bertentangan dengan topi keselamatan sehingga garpu berada pada kedudukan kunci luar.
4. Putarkan set kepala dalam klip topi keselamatan sehingga cawan telinga bersandar pada sisi topi.



Rajah 22: Mengalihkan set kepala ke kedudukan simpanan pada topi keselamatan

Menggantikan Pad Telinga pada Set Kepala Topi Keselamatan atau Hingar Tinggi SRX2

1. Tanggalkan modul elektronik SRX2 daripada cawan telinga.
2. Umpil cawan telinga dengan menggenggam bahagian dalam dan luar cawan telinga dan menarik kedua-dua bahagian ke arah bertentangan.



Rajah 23: Memisahkan bahagian cawan telinga

3. Tanggalkan pad telinga busa yang haus daripada plat dalam.
4. Tarik perlahan-lahan pad telinga busa yang baharu mengelilingi plat.



Rajah 24: Memasang pad telinga baharu

5. Jajarkan tiang dalam pada kedua-dua bahagian cawan telinga.
6. Tolak kedua-dua bahagian sehingga ia tertutup.

Set Kepala Hingar Tinggi Vocollect SRX2

Set Kepala Hingar Tinggi Vocollect® SRX2 ialah set kepala SRX2 dengan cawan sebelah telinga yang muat sepenuhnya pada telinga pengendali untuk membolehkannya mendengar arahan suara dengan jelas dalam kawasan hingar persekitaran yang tinggi. Digabungkan dengan pengecaman pertuturan optimum set kepala SRX2 menggunakan SoundSense, model ini menawarkan penyelesaian wayarles yang berkesan untuk persekitaran perindustrian.

Reka bentuk satu cawan memberikan pengendali pilihan untuk memakai pembesar suara set kepala pada mana-mana belah telinga bagi keselesaan jangka panjang mereka. Ia juga memberikan perlindungan dalam persekitaran yang sangat dingin seperti penyejuk beku gudang.



Rajah 25: Set Kepala Hingar Tinggi Vocollect® SRX2



Nota:

- Set kepala hingar tinggi mempunyai tempat simpanan tudung mikrofon yang terletak pada cekak kepala dan di atas cawan telinga set kepala.
- Tali pengikat kestabilan boleh didapati untuk model ini.

Menggantikan Pad Telinga pada Set Kepala Topi Keselamatan atau Hingar Tinggi SRX2

1. Tanggalkan modul elektronik SRX2 daripada cawan telinga.
2. Umpil cawan telinga dengan menggenggam bahagian dalam dan luar cawan telinga dan menarik kedua-dua bahagian ke arah bertentangan.



Rajah 26: Memisahkan bahagian cawan telinga

3. Tanggalkan pad telinga busa yang haus daripada plat dalam.
4. Tarik perlahan-lahan pad telinga busa yang baharu mengelilingi plat.



Rajah 27: Memasang pad telinga baharu

5. Jajarkan tiang dalam pada kedua-dua bahagian cawan telinga.
6. Tolak kedua-dua bahagian sehingga ia tertutup.

Pilihan untuk Pengguna Cacat Pendengaran

Produk-produk Vocollect direka bentuk untuk orang yang mempunyai aras pendengaran yang sederhana. Pengendali yang menggunakan peranti bantu pendengaran mungkin perlu mempertimbangkan sedikit pelarasan apabila menggunakan set kepala Vocollect dalam persekitaran gudang pengeluaran.

Vocollect mengesyorkan percubaan kombinasi beberapa perubahan asas pada operasi peranti Talkman untuk meningkatkan kebolehdengaran:

- Tukar suara bahasa menggunakan VoiceConsole (lihat Bantuan Dalam Talian VoiceConsole)
- Laraskan pic suara kepada lebih rendah atau lebih tinggi
- Laraskan kelantangan suara kepada lebih kuat atau lebih perlahan
- Laraskan kelajuan suara kepada lebih perlahan atau lebih cepat
- Tukar jantina suara kepada lelaki atau perempuan

Pengguna mungkin mendapati bahawa peranti bantu mereka melakukan hingar latar belakang tambahan yang menyukarkannya untuk mendengar gesaan peranti Talkman. Dalam keadaan ini, Vocollect mengesyorkan

penggunaan set kepala jenis cawan untuk membantu menyingkirkan input yang mengganggu daripada peranti bantu.

Jika pengguna terus mengalami masalah untuk mendengar peranti Talkman selepas mencuba pilihan-pilihan ini, Vocollect amat mengesyorkan agar merujuk kepada pakar perubatan. Hilang pendengaran ialah keadaan perubatan yang memerlukan perhatian ahli audiologi yang berkelayakan. Ahli audiologi tersebut harus diberitahu tentang pelbagai pilihan yang produk-produk Vocollect tawarkan dengan pic, kelantangan dan nada sisi supaya beliau boleh memberikan pengesyoran yang sesuai yang dapat memanfaatkan pengguna tanpa kesan sampingan yang mungkin. Sokongan Teknikal Vocollect boleh bercakap dengan ahli audiologi pengguna untuk menerangkan pilihan-pilihan ini dan mengubah konfigurasi peranti Talkman berdasarkan pengesyoran khusus daripada ahli audiologi.

 **Awas:** Terdapat pelbagai parameter yang boleh meninggikan lagi aras output peranti Talkman. Vocollect tidak mengesyorkan perubahan mana-mana tetapan ini dengan cara yang meninggikan aras output bunyi tanpa merujuk kepada ahli audiologi yang berkelayakan. Mengubah tetapan ini tanpa penyeliaan pakar perubatan yang berkelayakan boleh mengakibatkan kerosakan pendengaran tambahan.

Produk-produk Vocollect dan pilihan-pilihan lainnya telah diukur dan layak untuk memastikan keselamatan audio bagi aliran kerja biasa dan populasi umum. Parameter audio lalai tidak harus diubah tanpa arahan yang jelas daripada pakar audio yang berkelayakan.

Penerbitan Vocollect, Menilai Keselamatan Audio di Pusat Edaran Anda, menerangkan kepentingan mengekalkan keselamatan audio dalam persekitaran kerja. Rakan niaga Vocollect boleh mendapatkan penerbitan ini di <https://www.voiceworld.com>.

Tentang Set Kepala Wayarles Berpasangan

Berpasangan ialah proses di mana dua peranti yang didayakan dengan teknologi wayarles Bluetooth mewujudkan pautan yang selamat untuk berkongsi maklumat. Proses berpasangan bermula apabila peranti tuan memulakan pertanyaan untuk mencari alamat Bluetooth yang boleh ditemui.

Berpasangan antara set kepala wayarles Vocollect dengan Talkman atau peranti lain dimulakan oleh peranti tersebut dan kekal berpasangan sehingga diputuskan oleh tindakan pengguna. Ambil perhatian bahawa berpasangan wujud antara set kepala dan perkakasan peranti. Jika pengendali beralih kepada peranti lain, pasangan set kepala/peranti yang asal **tidak** akan mengikut pengendali itu.

 **Nota:** Ciri muat pengendali automatik merupakan pengecualian kepada berpasangan perkakasan sahaja. Pada platform yang disokong, apabila pengendali menyambung kepada set kepala wayarles Vocollect, sambungan itu dan maklumat pengendali didaftarkan dalam VoiceConsole. Kali seterusnya apabila pengendali tersebut menyambung kepada set kepala itu, maklumatnya akan dimuatkan secara automatik. Lihat dokumentasi muat pengendali automatik untuk keluaran Perisian Vocollect Voice anda.

Berpasangan lawan Penyambungan

Berpasangan tidak sama dengan *penyambungan*. Dua peranti Bluetooth, sebaik sahaja berpasangan, boleh menyambung dan memutuskan sambungan berbilang kali. Dengan berpasangan masih dalam ingatan, dua peranti tersebut boleh menyambung dengan mudah dan akan mencuba beberapa kali untuk mewujudkan sambungan. Dengan cara ini, berpasangan antara set kepala dengan peranti membolehkan mobiliti pengguna semakin bertambah.

Contohnya, jika pengguna membawa set kepala keluar dari lingkungan peranti berpasangan atau mematikannya, peranti tersebut akan mengetahui bahawa sambungan terputus dan cuba menyambung semula. Kedua-duanya masih berpasangan sepanjang proses ini.

Parameter Konfigurasi berkaitan Berpasangan PersistSrxPairingAcrossPowerCycle

Tetapkan kepada 0 untuk peranti menghapuskan berpasangan apabila ia dimatikan.

Apabila peranti tersebut dihidupkan semula, ia tidak akan mewujudkan semula sambungan ini dengan set kepala berkenaan.

Parameter ini ditetapkan secara lalai kepada 1 yang menyebabkan berpasangan diteruskan dan diwujudkan semula apabila peranti tersebut dihidupkan.

Apabila `SrxAutoPairEnable` didayakan (ditetapkan kepada 1), `PersistSrxPairingAcrossPowerCycle` ditetapkan secara lalai kepada 0.

SrxClearPairingInCharger

Tetapkan kepada 1 untuk mengosongkan berpasangan apabila peranti tersebut diletakkan ke dalam pengecas.

Parameter ini ditetapkan secara lalai kepada 0 atau mengekalkan berpasangan.

Apabila `SrxAutoPairEnable` didayakan (ditetapkan kepada 1), `SrxClearPairingInCharger` ditetapkan secara lalai kepada 1.

SrxAutoPairEnable

Tetapkan kepada 1 untuk menghidupkan berpasangan secara automatik.

Berpasangan Silang

Berpasangan silang ialah hasil daripada peranti tuan berpasangan dengan set kepala atau peranti lain yang bukan merupakan hamba sasaran. Jika pengguna tidak dapat mengasingkan peranti dan set kepalanya daripada yang lain dan berpasangan silang berlaku, pengguna harus memutuskan berpasangan yang wujud dan mencuba semula berpasangan yang diingini.

 **Petua:** Halang berpasangan silang yang tidak diingini dengan mengasingkan peranti dan set kepala daripada semua peranti Bluetooth lain pada bila-bila masa peranti tersebut melakukan imbas pertanyaan untuk mencari set kepala atau memasangkan secara manual. Berpasangan silang amat berkemungkinan tidak akan berlaku apabila pengguna menggunakan berpasangan secara sentuh.

Cara Berpasangan Set Kepala SRX/SRX2

Set kepala SRX atau SRX2 mesti berada dalam mod berpasangan kuasa tinggi untuk berpasangan dengan peranti tangan. Untuk meletakkan set kepala SRX dalam mod berpasangan kuasa tinggi, tekan terus butang Tambah (+) dan Tolak (-) selama tujuh saat. Dengan menetapkan parameter konfigurasi `SrxHighPowerPairingDelaySeconds`, anda boleh mengkonfigurasi berapa lama pengendali mesti menekan terus butang Tambah dan Tolak sebelum memasuki mod berpasangan kuasa tinggi atau menetapkan parameter untuk membolehkan set kepala terus memasuki mod berpasangan kuasa tinggi. Selepas set kepala SRX atau SRX2 memasuki mod berpasangan kuasa tinggi, ia tersedia untuk menerima pasangan yang dimulakan oleh peranti tangan didayakan Bluetooth. Berpasangan ini boleh dicapai menggunakan pelbagai cara:

Berpasangan secara automatik: Apabila dihidupkan atau dikeluarkan dari pengecas, peranti tersebut serta-merta mencari set kepala wayarles dan memulakan berpasangan. Ia menyingkirkan keperluan untuk mengosongkan berpasangan secara manual kerana ia akan mengosongkan berpasangan apabila dimatikan atau diletakkan ke dalam pengecas secara lalai.

 **Nota:** Kali pertama set kepala SRX menerima berpasangan secara automatik, peranti berpasangan akan mengkonfigurasi set kepala tersebut untuk memasuki mod berpasangan serta-merta selepas setiap kali dihidupkan pada masa depan.

 **Nota:** Set kepala SRX2 sentiasa dihidupkan dalam mod berpasangan.

Disyorkan untuk:

Pengguna VoiceClient yang berkongsi set kepala
Sesiapa sahaja yang menggunakan set kepala SRX

Kenapa?

Apabila berkongsi set kepala, berpasangan secara automatik memudahkannya untuk mengesan mana-mana peranti dan set kepala, menghidupkan kedua-duanya yang berdekatan antara satu dengan yang lain (kurang daripada 3 kaki) dan membolehkan kedua-duanya berpasangan secara automatik. Ia menyingkirkan keperluan untuk mengosongkan berpasangan secara manual atau melalui VoiceConsole kerana ia akan mengosongkan berpasangan apabila dimatikan atau diletakkan ke dalam pengecas secara lalai. Apabila anda menghidupkan peranti tersebut, ia tidak berpasangan dan akan mula mencari set kepala. Ini merupakan cara pilihan untuk digunakan dengan set kepala SRX kerana selepas sambungan pertama, ia akan menetapkan parameter pada SRX tersebut supaya setelah but, ia memasuki mod berpasangan secara automatik.

Berpasangan secara manual:

Pengguna menentukan masa untuk peranti berpasangan dengan set kepala dengan menekan butang pada peranti tersebut.



Penting: Berpasangan kali pertama untuk set kepala SRX yang tidak pernah berpasangan dengan peranti mesti merupakan berpasangan secara manual. Selepas kali pertama ini, set kepala tersebut boleh berpasangan secara automatik.



Nota: Set kepala SRX2 boleh melakukan sama ada berpasangan secara manual atau automatik untuk berpasangan kali pertamanya.

Disyorkan untuk:

Pengguna VoiceCatalyst pada peranti T5 atau A500
Pengguna VoiceClient yang tidak berkongsi set kepala
Sesiapa sahaja yang menggunakan set kepala SRX2

Kenapa?

Pengguna VoiceClient yang tidak berkongsi set kepala mereka dengan pengguna lain digalakkan untuk menggunakan berpasangan secara manual. Berpasangan secara manual ialah cara paling selamat untuk mengelakkan berpasangan silang memandangkan pengguna melakukan prosedur berpasangan jauh daripada pengguna lain. Selain itu, sebaik sahaja berpasangan secara manual dibuat (katakanlah tiada parameter konfigurasi lain telah diubah), berpasangan akan berterusan dan peranti dan set kepala tersebut akan kekal berpasangan sehingga berpasangan itu betul-betul dikosongkan.

Berpasangan berasaskan skrin:

Lihat maklumat Berpasangan Berasaskan Skrin dalam bab ini untuk butiran tentang memasang peranti tangan dengan set kepala.

Memasang Set Kepala SRX

Sebaik sahaja berpasangan, set kepala SRX dan peranti mengingati perkaitan ini walaupun apabila kuasa dimatikan dan dihidupkan semula atau selepas peranti dicas semula. Set kepala SRX hanya akan bersambung dengan peranti berpasangan itu.

Memasang set kepala SRX dengan peranti baharu akan memadamkan berpasangan sebelumnya daripada ingatan set kepala.

 **Nota:** Jika anda menggunakan set kepala SRX2, lihat [Memasang Set Kepala SRX2](#) untuk maklumat terperinci.

Memasang Set Kepala SRX2

Set Kepala Wayarles SRX2 menjadikan berpasangan dan penyambungan semakin mudah:

- Ia memasuki mod berpasangan kuasa rendah secara automatik apabila dihidupkan.
- Ia boleh memutuskan dan memasuki semula mod berpasangan daripada keadaan kuasa dihidupkan.
- But semula set kepala tidak diperlukan.
- Ia menerima sambungan daripada mana-mana peranti yang telah berpasangan dengannya sebelum ini.

Memasang Set Kepala SRX2 dengan Peranti A700 Menggunakan TouchConnect™

Peranti A700 boleh menggunakan TouchConnect untuk bersambung kepada Set Kepala Wayarles SRX2 apabila:

- peranti A700 menjalankan VoiceCatalyst
- Bluetooth didayakan
- peranti dalam mod tidur (tidak menjalankan tugas)
- set kepala berwayar tidak disambungkan atau set kepala wayarles tidak disambungkan secara aktif kepada peranti
- parameter SRXHeadsetEnable ditetapkan kepada 1 (Didayakan), iaitu lalai
- parameter **SrxAutoPairEnable** ditetapkan kepada 0 (Dinyahdayakan), iaitu lalai

Untuk prestasi terbaik apabila menggunakan set kepala SRX2 dengan peranti Talkman A700, gunakan versi perisian SRX2 terkini. Dapatkan perisian set kepala terkini daripada portal atau penjual Vocollect anda dan gunakan Vocollect Accessory Update Utility untuk menaik taraf set kepala SRX2 anda.

 **Nota:** Data yang dihantar melalui komunikasi medan dekat (NFC) tidak disulitkan dan juga tidak mengikut apa-apa protokol keselamatan khusus. Ini adalah kerana pemindahan berlaku merentasi julat yang sangat dekat yang menjadikan data amat tidak mungkin dapat dipintas.

1. Hidupkan set kepala SRX2.
2. Jika LED set kepala berkelip warna biru, ia sedang berpasangan dengan peranti. Kosongkan berpasangan dengan menekan butang + dan - serentak pada set kepala SRX2.

Options	Description
Jika anda berkongsi set kepala di tapak anda:	Anda mesti mendapatkan ID pengendali dahulu dengan membaca cekak kepala: 1. Sentuh bahagian bar T (cekak kepala) SRX2 yang mempunyai simbol  dengan bahagian tengah bujur timbul pada sebelah peranti yang mempunyai simbol  sehingga penunjuk keadaan peranti (lingkaran) berkelip warna hijau. Ini mengaitkan cekak kepala pengendali dengan peranti tersebut membolehkan VoiceConsole mengenal pasti pengendali.

Options	Description
	2. Sentuh sebelah peranti A700 yang mempunyai simbol  dengan bahagian bujur pad kekunci SRX2, menjajarkan bahagian bujur pada setiap satu dan memegang kedua-duanya bersama dengan kukuh sehingga penunjuk keadaan peranti (lingkaran) berkelip warna hijau. Ambil perhatian bahawa terdapat tamat masa 30 saat selepas cekak kepala dikenal pasti dalam langkah satu. Anda mesti memasang modul elektronik dalam tempoh 30 saat dari masa mengaitkan cekak kepala untuk kefungsiian penuh.

 **Nota:** Jika penunjuk keadaan peranti berkelip warna merah, bacaan NFC tidak berjaya dan anda harus cuba melakukan bacaan sekali lagi.

Options	Description
Jika anda tidak berkongsi set kepala di tapak anda:	Anda hanya perlu memasang peranti dengan modul elektronik SRX2: 1. Sentuh sebelah peranti A700 yang mempunyai simbol  dengan bahagian bujur pad kekunci SRX2, menjajarkan bahagian bujur pada setiap satu dan memegang kedua-duanya bersama dengan kukuh sehingga penunjuk keadaan peranti (lingkaran) berkelip warna hijau.

 **Nota:** Jika penunjuk keadaan peranti berkelip warna merah, bacaan NFC tidak berjaya dan anda harus cuba melakukan bacaan sekali lagi.



Rajah 28: Menggunakan TouchConnect untuk Mendapatkan Maklumat Pengendali daripada Cekak Kepala



Rajah 29: Menggunakan TouchConnect untuk Memasangkan SRX2 dengan Peranti A700 Device

Apabila peranti memulakan tugas, VoiceConsole mengenal pasti berpasangan.

Memasangkan Set Kepala SRX2 dengan Peranti Talkman T5, A500 atau A700 Secara Automatik

Prasyarat:

- Kuasa set kepala dimatikan.
- Tidak terdapat set kepala berwayar disambungkan kepada peranti Talkman.
- Peranti Talkman sedia Bluetooth dengan ciri sambungan Bluetooth didayakan.

 **Penting:** Peranti yang tidak berpasangan sentiasa akan mencari set kepala wayarles semasa dalam mod berpasangan secara automatik. Jangan biarkan peranti didayakan berpasangan secara automatik tidak berpasangan dan dihidupkan kuasa kerana carian tersebut akan menghabiskan bateri.

1. But semula peranti Talkman atau keluarkannya daripada pengecas untuk memulakan imbas set kepala.
2. Hidupkan set kepala.

Set kepala akan kekal dalam mod berpasangan selama sepuluh minit. Jika tidak berpasangan dalam tempoh sepuluh minit, kuasanya akan dimatikan.

3. Pegang set kepala dan peranti Talkman supaya kedua-duanya berada dalam lingkungan enam inci antara satu sama lain tetapi tidak bersentuhan.

Penunjuk LED berwarna biru pada peranti Talkman bernyala, mungkin memancar selama beberapa minit dan kemudian kekal bernyala. Selepas 20 hingga 30 saat, set kepala berbunyi bip tiga nada menaik dan penunjuk LED memancarkan cahaya berwarna biru. Penunjuk ini mengesahkan bahawa berpasangan lengkap.

4. Pakai set kepala. Anda akan mendengar set kepala mengulang nombor siri peranti Talkman yang berpasangan dengannya.
5. Sahkan bahawa nombor itu sepadan dengan nombor siri peranti Talkman.

Jika anda perlu mencuba berpasangan sekali lagi, masuki semula mod berpasangan dengan menekan dan melepaskan butang Tambah (+) dan Tolak (-) pada panel kawalan set kepala.

6. Tekan butang Main/Jeda pada peranti Talkman untuk mengesahkan nombor itu.
7. Tekan butang Main/Jeda sekali lagi untuk mula bekerja.

Memasangkan Set Kepala SRX2 dengan Peranti Talkman T5, A500 atau A700 Secara Manual

Prasyarat:

- Kuasa set kepala dimatikan.
- Peranti Talkman tidak berada dalam pengecas dan tidak terdapat set kepala berwayar disambungkan kepadanya.
- Peranti Talkman dalam mod tidur — tidak digunakan untuk menjalankan tugas atau aplikasi suara. Penunjuk LED berwarna hijau memancar. Jika LED berwarna hijau padu, tekan butang Main/Jeda.
- Peranti Talkman sedia Bluetooth dengan ciri sambungan Bluetooth didayakan.

1. Hidupkan set kepala.

Penunjuk LED berwarna hijau padu. Set kepala kekal dalam mod berpasangan selama sepuluh minit, kemudian kuasanya dimatikan.

2. Tekan terus butang Tambah (+) dan Tolak (-) pada peranti Talkman selama dua saat untuk memulakan carian set kepala wayarles secara manual.
3. Pegang set kepala dan peranti dengan segera supaya kedua-duanya berada dalam lingkungan enam inci antara satu sama lain tetapi tidak bersentuhan dengan segera.

Penunjuk LED berwarna biru pada peranti Talkman bernyala, mungkin memancar selama beberapa minit dan kemudian kekal bernyala. Selepas 20 hingga 30 saat, set kepala berbunyi bip tiga nada menaik dan penunjuk LED memancarkan cahaya berwarna biru. Penunjuk ini mengesahkan bahawa berpasangan lengkap.

4. Pakai set kepala. Anda akan mendengar set kepala mengulang nombor siri peranti Talkman yang berpasangan dengannya.
5. Sahkan bahawa nombor itu sepadan dengan nombor siri peranti Talkman.

Jika anda perlu mencuba berpasangan sekali lagi, masuki semula mod berpasangan dengan menekan butang Tambah (+) dan Tolak (-) pada peranti Talkman sekali lagi.

6. Tekan butang Main/Jeda pada peranti Talkman untuk mengesahkan nombor itu.
7. Tekan butang Main/Jeda sekali lagi untuk mula bekerja.

Lebih Lanjut tentang Mod Berpasangan SRX/SRX2

Apabila set kepala berada dalam mod berpasangan, ia sedia menjawab apa-apa pertanyaan tentang perkhidmatan Bluetoothnya. Peranti pertanyaan menggunakan respons ini untuk menentukan sama ada ia mahu berpasangan dengan set kepala tersebut. Oleh sebab peranti merupakan pemula dan set kepala merupakan penerima, pengguna memudahkan proses berpasangan dengan meletakkan set kepala dalam mod berpasangan sebelum memulakan sambungan daripada peranti.

Set kepala SRX dan SRX2 menyokong dua mod berpasangan.

- **Mod Berpasangan Kuasa Rendah**

Mod berpasangan kuasa rendah ialah mod berpasangan lalai untuk set kepala SRX dan SRX2. Dalam mod ini, set kepala akan menjawab pertanyaan peranti Bluetooth dengan respons kuasa sangat rendah yang dihantar dalam lingkungan kawasan kecil (beberapa kaki bergantung pada keupayaan penerimaan peranti pertanyaan).

Mengehadkan penghantaran wayarles membantu mengelakkan berpasangan silang yang tidak diingini (berpasangan dengan alamat Bluetooth selain sasaran) dengan memaksa set kepala supaya berdekatan dengan peranti.

- **Mod Berpasangan Kuasa Tinggi**

Mod berpasangan kuasa tinggi membenarkan set kepala dan peranti dipisahkan dalam jarak yang lebih jauh kerana respons set kepala kepada pertanyaan merupakan penghantaran yang lebih luas.

Vocollect mengesyorkan penggunaan berpasangan kuasa tinggi hanya jika berpasangan kuasa rendah gagal. Gunakan mod ini dengan berhati-hati: Walaupun mod berpasangan kuasa tinggi memberikan kemungkinan yang lebih tinggi bahawa sambungan akan berjaya, ia juga meninggikan kemungkinan berlakunya berpasangan silang.

Jik parameter konfigurasi **SrxAutoPairEnable** didayakan dan parameter konfigurasi

SrxHighPowerPairingDelaySeconds ditetapkan kepada 0, set kepala akan melangkau mod berpasangan kuasa rendah dan memasuki mod kuasa tinggi.

Meletakkan Set Kepala dalam Mod Berpasangan

Keadaan Set Kepala Awal	Kawalan SRX	Kawalan SRX2	Hasil Mod Berpasangan
Dimatikan	Tekan terus butang Tambah (+) dan Tolak (-) selama 0 hingga 3 saat	Tidak Berkaitan	Mod melahu Mod hanya membenarkan sambungan dengan peranti berpasangan terakhir
Dimatikan	Tekan terus butang Tambah (+) dan Tolak (-) selama 4 hingga 6 saat	Tekan dan lepaskan butang Kuasa	Mod berpasangan kuasa rendah
Dimatikan	Tekan terus butang Tambah (+) dan Tolak (-) selama 7 saat atau lebih	Tidak Berkaitan	Mod berpasangan kuasa tinggi
Dihidupkan dan berpasangan	Tidak Berkaitan	Tekan dan lepaskan butang Tambah (+) dan Tolak (-)	Berpasangan semasa diputuskan dan set kepala memasuki mod berpasangan kuasa rendah

Keadaan Set Kepala Awal	Kawalan SRX	Kawalan SRX2	Hasil Mod Berpasangan
Dihidupkan dalam mod berpasangan kuasa rendah	Tidak Berkaitan	Tekan dan lepaskan butang Tambah (+) dan Tolak (-)	Mod berpasangan kuasa tinggi

Memutuskan Pasangan

Terdapat beberapa cara untuk memutuskan pasangan antara set kepala SRX atau SRX2 dengan peranti Bluetooth.

Dari Peranti: Peranti boleh memutuskan pasangan dengan set kepala wayarles dengan memulakan carian baharu untuk set kepala. Pengguna boleh memulakan pertanyaan peranti dengan menekan terus butang Tambah (+) dan Tolak (-) pada peranti. Cara ini berguna jika peranti pengguna melengkapkan berpasangan silang dengan set kepala yang salah; pengguna boleh memulakan berpasangan secara manual yang lain. Berpasangan secara manual mesti didayakan pada peranti untuk membolehkan prosedur ini berfungsi.

Dari VoiceConsole: VoiceConsole memaparkan semua pasangan Bluetooth termasuk set kepala SRX dan SRX2, peranti Talkman, pengimbas dan pencetak. Dari halaman **Edit Peranti**, anda boleh mengosongkan berpasangan. Anda juga boleh melakukannya dengan set kepala.

Dari Set Kepala SRX: Set kepala tidak boleh memutuskan pasangan dengan peranti. Pengguna mesti memutuskannya dari peranti dengan memulakan berpasangan lain.

Dari Set Kepala SRX2: Pengguna set kepala SRX2 boleh memutuskan mana-mana pasangan dengan menekan butang Tambah (+) dan Tolak (-).

Ini merupakan cara pilihan untuk memutuskan pasangan.

Jika peranti berpasangan menggunakan Vocollect VoiceCatalyst 1.2 dan lebih baharu, set kepala SRX2 akan memberitahu peranti bahawa pasangan tersebut akan diputuskan. Dengan versi Perisian Vocollect Voice yang lebih lama, pasangan tersebut putus hanya selepas tamat tempoh.

Soalan Lazim Berpasangan Set Kepala

S: Peranti saya berpasangan dengan set kepala lain secara tidak sengaja. Apakah yang boleh saya lakukan?

J: Jika anda menggunakan set kepala SRX2, tekan butang + dan - serentak untuk mengosongkan berpasangan.

Jika anda menggunakan set kepala SRX, lakukan berpasangan secara manual; ia akan memutuskan sambungan dan memulakan pertanyaan lain. Ambil perhatian bahawa pengguna harus meletakkan set kepalanya dalam mod berpasangan sebelum melakukan langkah ini supaya peranti dapat menemui set kepala tersebut apabila ia mula mencari.

S: Pengguna di tapak saya tidak mempunyai set kepala dan peranti yang ditetapkan, jadi mereka boleh mendapatkan set kepala yang lain pada setiap syif. Proses berpasangan yang manakah akan anda syorkan?

J: Dengan peranti A700 (VoiceCatalyst sahaja) dan set kepala SRX2, anda boleh menggunakan TouchConnect untuk menjadikan peranti dan set kepala tersebut berpasangan.

Dengan peranti lebih awal, berpasangan secara automatik mungkin merupakan cara yang paling mudah kerana ia akan mewujudkan sambungan dengan cepat dan tidak mengekalkan berpasangan secara lalai.

S: Pengguna di tapak saya ditetapkan set kepala SRX atau SRX2 mereka sendiri, jadi saya mahu mengekalkan berpasangan dan mengelakkan daripada memasang set kepala pada permulaan setiap syif. Proses berpasangan yang manakah akan anda syorkan?

J: Anda boleh menggunakan berpasangan secara manual atau berpasangan secara automatik dengan parameter konfigurasi **SrxPersistAutomaticPairing** atau, dalam VoiceClient 3.9 dan kemudian dan VoiceCatalyst 2.0 dan kemudian, **PersistSrxPairingAcrossPowerCycle** ditetapkan kepada 1 dan **SrxClearPairingInCharger** ditetapkan kepada 0 untuk mengekalkan berpasangan melalui but semula dan pengecasan semula peranti.

S: Pengguna kami menghabiskan banyak masa untuk berpasangan. Apakah kaedah yang akan anda syorkan untuk mengurangkan masa yang diambil untuk memasang set kepala?

J: Terdapat beberapa penyelesaian:

- Gunakan mod berpasangan yang tidak mudah berlakunya berpasangan silang - elakkan penggunaan berpasangan secara automatik.
- Pastikan bahawa pengguna diasingkan dalam jarak tertentu apabila peranti melakukan carian pertanyaan.
- Gunakan berpasangan secara manual, bukannya berpasangan secara automatik, supaya carian dilakukan hanya atas permintaan pengguna.
- Gunakan berpasangan kuasa rendah.
- Jika pengguna anda tidak berkongsi set kepala dan peranti, gunakan berpasangan secara manual supaya peranti dan set kepala tersebut kekal berpasangan.
- Jika pengguna anda berkongsi set kepala dan peranti, gunakan berpasangan secara automatik supaya perkakasan akan melengkapkan berpasangan pada setiap syif dengan lebih cepat.

Prosedur Pembersihan Peralatan Honeywell

Produk-produk Honeywell Vocollect Solutions mempunyai hayat perkhidmatan yang lama jika disenggara dengan betul. Ikut amalan pembersihan yang disyorkan.

Walaupun peralatan Honeywell dikilang dan diuji agar tahan kotoran dan mendapan biasa daripada persekitaran tempat kerja, tokokan sisa boleh merosakkan peralatan dan merosotkan prestasi sambil masa berlalu.

- Kotoran atau kakisan boleh menghalang kedudukan terminal dalam pengecas dengan betul dan boleh menyebabkan pengecasan terputus-putus.
- Sentuhan Penyambung Talkman® (TCO) yang mengumpul kotoran, bahan kimia dan kakisan boleh menyebabkan sentuhan terputus-putus, statik dan masalah pengecaman.
- Kotoran berlebihan pada selaput pad kekunci boleh menyebabkan selaput menjadi semakin lemah dan koyak.



Awas: Gunakah **hanya** larutan 70% isopropil alkohol dan air untuk membersihkan peralatan. Produk-produk lain belum lagi diuji dan boleh merosotkan peralatan.

Membersihkan Bahagian Plastik

Membersihkan Bahagian Plastik Keras

Bersihkan bahagian plastik keras pada set kepala, peranti, pengecas dan bateri menggunakan kain lembut yang dibasahkan dengan larutan 70% isopropil alkohol dan 30% air.

Gunakan berus lembut untuk memastikan kawasan saku pengecas sentiasa bersih daripada debu dan serpihan yang boleh mengganggu kedudukan peralatan atau sentuhan elektrik.

Membersihkan Bahagian Busa dan Plastik Mudah lentur

Bersihkan bahagian busa set kepala (pad telinga dan pad cekak kepala) serta cekak mudah lentur dan pad bukan busa menggunakan sabun lembut dan air. Basuh pad dengan berhati-hati agar tidak terkoyak atau tertanggal.

Keringkan bahagian-bahagian tersebut dengan cara kering udara. Penggunaan sumber haba tertumpu seperti pengering rambut atau pengering pakaian tidak disyorkan.

Gantikan pad yang amat kotor seperti penutup mikrofon set kepala.

Membersihkan Sentuhan

Bersihkan sentuhan rata pada peranti seperti Penyambung Talkman (TCO) atau sentuhan rata pada bateri dan pengecas menggunakan larutan 70% isopropil alkohol.

Gunakan kain tanpa lin yang lembut atau pengelap yang dibasahkan terlebih dahulu dengan alkohol. Elakkan penggunaan kain dengan serat yang panjang dan tebal kerana serat tersebut boleh melekat pada penyambung dan mengakibatkan sentuhan terputus-putus.

Singkirkan kakisan menggunakan pemadam lembut (contohnya, pemadam pensel). Pemadam mestilah dalam keadaan baik (lembut, mudah dilenturkan dan tidak haus sehingga tapak). Ujian yang baik adalah dengan menggosok pemadam tersebut pada kulit anda. Jika ia berasa kasar, jangan gunakannya kerana ia akan merosakkan permukaan penyambung.

Anda juga boleh menggunakan berus pembersih tiga baris dengan bulu kejur babi semula jadi untuk menyingkirkan kotoran pada sentuhan dengan memberusnya secara lembut. Lap dengan alkohol kali terakhir selepas ini harus memastikan sentuhan yang bersih.

Jangan sekali-kali bengkokkan atau manipulasikan sentuhan bateri.

Hubungi Pusat Perkhidmatan Vocollect yang berdaftar untuk membaiki atau menggantikan sentuhan yang amat terkakis, bengkok atau hilang.

Penjagaan dan Penggunaan Set Kepala dan Mikrofon

Set kepala dan mikrofon yang digunakan dengan sistem *Vocollect Voice* merupakan peralatan elektronik yang mudah rosak. Penjagaan dan penggunaan produk-produk ini dengan cara yang betul akan memastikannya berfungsi dengan baik untuk tempoh yang lama.

 **Penting:** Untuk kebersihan maksimum, Vocollect tidak menggalakkan pengendali berkongsi set kepala sesama mereka.

Reka bentuk *Set Kepala Wayarles SRX2* menampilkan modul elektronik yang boleh ditanggalkan daripada cekak kepala dan penutup mikrofon. Modul elektronik tersebut boleh dikongsi antara pengendali merentasi berbilang syif, memberikan sedikit sebanyak kebersihan dan mungkin dapat mengurangkan kos pada masa yang sama.

Menggunakan Set Kepala di dalam Persekitaran Penyejuk Beku

Vocollect mengesyorkan amalan terbaik berikut untuk prestasi pengecaman pertuturan optimum apabila menggunakan set kepala di dalam persekitaran penyejuk beku.

- Latih templat suara anda di dalam persekitaran penyejuk beku. Jika pengendali melatih templat dalam kawasan yang senyap, hingar penyejuk beku boleh mengganggu pengecaman.
- Tempatkan mikrofon seberapa dekat yang boleh ke mulut anda, tetapi di luar arus udara anda. Ia harus menghadap bibir atas anda dan tidak menyentuh apa-apa (contohnya, pakaian, kulit atau bulu roma muka).
- Pastikan penutup mikrofon sentiasa kering. Air tidak akan merosakkan peralatan; walau bagaimanapun, penutup mikrofon boleh mewujudkan sawar air yang merosotkan pengecaman pertuturan.


- Jangan cuba memecahkan ais pada penutup mikrofon. Tekanannya boleh menenyahkan ais pada busa dan menyebabkan sawar air sambil ia cair. Tokokan ais pada umumnya tidak merosotkan prestasi kerana Pengecaman Pertuturan Mudah Suai Vocollect mengimbangi perubahan beransur-ansur dalam persekitaran.
- Gantikan penutup mikrofon jika cecair atau ais pada busa disertai dengan masalah pengecaman yang ketara.

Membersihkan Penutup Mikrofon

Vocollect mengesyorkan supaya anda menukar penutup mikrofon setiap 90 hari untuk prestasi pengecaman pertuturan optimum. Dengan melindungi mikrofon set kepala, penutup mikrofon menghalang terkumpulnya kotoran yang boleh mengurangkan kejelasan respons pengendali.

! Penting: Sabun, larutan pencuci dan cucian yang kuat akan menanggalkan salutan perlindungan pada penutup mikrofon dan mengurangkan keberkesannya.

1. Tanggalkan penutup mikrofon daripada mikrofon.
2. Bilas penutup mikrofon dalam air suam.
3. Perah air lebihan dan biarkannya betul-betul kering dengan cara kering udara.



Rajah 30: Mikrofon kotor mengakibatkan kemerosotan prestasi

Perbandingan menunjukkan mikrofon yang tidak dilindungi tidak dapat membuat perbezaan yang jelas antara pertuturan dan senyap, sedangkan mikrofon yang bersih dapat melakukannya.

Membersihkan Set Kepala

Pad busa yang digunakan dengan set kepala Vocollect direka bentuk untuk memastikan keselesaan dan juga kebersihan. Bahannya secara semula jadi menghalang pertumbuhan bakteria dan dapat dibersihkan dengan membilas menggunakan air dan dikeringkan.

Nota: Larutan pencuci komersial tidak disyorkan.

- Bersihkan bahagian plastik set kepala menggunakan kain lembut yang dilembapkan dengan air. Untuk membersihkan dan menyahjangkit bahagian plastik set kepala, gunakan pengelap yang dibasahkan terlebih dahulu dengan alkohol.
- Jika palam atau Penyambung Talkman tercemar, gunakan pengelap yang dibasahkan terlebih dahulu dengan alkohol untuk menyingkirkan kotoran atau sisa.
- Jika titik sambungan berlogam pada Penyambung Talkman berubah warna, gunakan pemadam pensel lembut untuk membersihkannya.
- Jangan gunakan cecair yang tidak diluluskan untuk membersihkan Penyambung Talkman (TCO) yang berwarna kuning, biru dan merah serta mana-mana set kepala, pengimbas atau palam peranti yang berkaitan.

- Cuci penutup cuping telinga set kepala dua cawan menggunakan tangan atau mesin dalam air sejuk atau suam, kemudian keringkan penutup dengan cara kering udara. Penutup diperbuat daripada flanel kapas 100% dan boleh mengecut jika dikeringkan di dalam mesin pengering pakaian.

Membersihkan Pad Cekak Kepala

-  **Nota:** Vocollect amat mengesyorkan supaya anda membiarkan pad cekak kepala pada tempatnya apabila membersihkannya. Jika anda terpaksa menanggalkan keseluruhan pad untuk membersihkannya, berhati-hati semasa menjajarkan pad cekak kepala dengan bahagian teratas cekak kepala apabila anda meletakkannya semula pada cekak kepala.
- Biarkan cekak kepala pada tempatnya dan cuma lap cekak kepala menggunakan kain lembut. Jika perlu, gunakan pengelap yang dibasahkan terlebih dahulu dengan alkohol untuk membersihkan dan menyahjangkit unit tersebut.

Bab 3

Pengecas



Awas:

- Jauhkan peranti dari air dan lembapan sepanjang masa. Jika terdapat wap pada bateri akibat penggunaan dalam persekitaran yang dingin seperti penyejuk beku, keringkan bateri sebelum meletakkannya ke dalam pengecas.
- Hanya bateri yang diluluskan oleh Vocollect harus diletakkan ke dalam pengecas bateri. Jangan cuba mengecas mana-mana jenis bateri yang lain dalam pengecas.

Pengecas Bateri Set Kepala SRX



Rajah 31: Pengecas Bateri Set Kepala SRX

- Pengecas bateri SRX boleh didapati dalam model lima ruang dengan lima slot bateri dan satu pengecas bateri dengan satu slot bateri.
- Untuk menghidupkan kuasa pengecas, sambungkan bekalan kuasa ke pengecas dan sumber kuasa. Penunjuk LED pada sudut kiri pengecas berwarna hijau apabila pengecas menerima kuasa.
- Pengecas bateri set kepala SRX direka bentuk untuk diletakkan di atas meja atau dilekapkan pada dinding menggunakan kit lekapan dinding.

Tentang Penunjuk LED

Peranti Vocollect Talkman, set kepala SRX dan SRX2 serta pengecasnya mempunyai LED yang menunjukkan keadaan peralatan. LED ini mungkin bernyala, padam atau berkelip. Dalam sesetengah keadaan, LED akan berkelip, berselang-seli antara dua warna.

Jika LED menunjukkan bahawa terdapatnya masalah, rujuk maklumat penyelesaian masalah untuk menyelesaikan masalah tersebut. Lihat juga [Menyelesaikan Masalah yang Ditunjukkan oleh LED](#).

Penunjuk LED Pengecas Bateri SRX

Pengecas bateri SRX mempunyai lampu penunjuk LED kuasa, di samping setiap slot pengecas mempunyai dua penunjuk LED. Untuk menghidupkan kuasa pengecas, sambungkan bekalan kuasa ke pengecas dan sumber kuasa. Penunjuk LED pada sudut kiri pengecas berwarna hijau apabila pengecas menerima kuasa.



Penting: Sebaik sahaja bateri SRX diletakkan ke dalam pengecas, ia mesti kekal dalam pengecas selama sekurang-kurangnya lima saat. Ini memberikan pengecas masa yang cukup untuk menganalisis keadaan bateri. Mengeluarkan bateri semasa selang masa lima saat ini boleh menyebabkan penunjuk LED pada pengecas memaparkan status bateri yang salah.

Warna Penunjuk Kiri	Warna Penunjuk Kanan	Status Bateri SRX
Tiada	Tiada	Tiada bateri dikesan dalam slot pengecas. Jika terdapat bateri dalam slot.
Merah	Tiada	Bateri dalam slot itu sedang mengecas.
Hijau	Hijau	Bateri dalam slot itu dicas penuh dan sedia digunakan.
Tiada	Kuning	Bateri dalam slot itu terlalu panas atau terlalu sejuk. Suhu bateri mesti berada antara 0°C (32°F) dan 40°C (104°F). Pengecas menunggu bateri untuk menjadi panas atau sejuk sebelum ia mula mengecas (pada masa itu penunjuk LED kiri bertukar kepada warna merah padu).
Merah Berkelip	Tiada	Keadaan normal: bateri mungkin tidak dimasukkan ke dalam pengecas dengan betul. Masukkan semula bateri ke dalam pengecas. Keadaan abnormal: jika keadaan ini berterusan selepas mengesahkan bahawa bateri didudukkan dengan betul dalam pengecas.

Pengecas Bateri Set Kepala SRX2



Rajah 32: Pengecas Bateri Set Kepala 20 Ruang SRX2

- Pengecas bateri SRX2 mempunyai 20 port untuk mengecas sehingga 20 bateri pada satu masa.
- Lampu penunjuk LED pada panel depan pengecas menunjukkan sama ada pengecas dihidupkan kuasa atau tidak.
- Setiap port bateri mempunyai lampu LED yang menunjukkan status pengecasan bateri dan kesihatan bateri.
- Pengecas bateri set kepala SRX2 direka bentuk untuk diletakkan di atas meja atau dilekapkan pada dinding menggunakan rel DIN. Pelanggan yang mempunyai berbilang pengecas mesti meninggalkan ruang yang diperlukan di antara unit lekapan dinding dan mesti mengelakkan daripada menindas unit meja di atas satu sama lain.

Pengecas Bateri SRX2 Lekapan Dinding

Pengecas bateri *SRX2* sedia untuk dilekapkan pada rel DIN standard tanpa memerlukan pelanggan membuat apa-apa pengubahsuaian. Rel DIN mesti dipasang pada dinding di lokasi yang sesuai. Vocollect menawarkan rel DIN yang sesuai untuk melekapkan satu pengecas, tetapi pelanggan boleh memilih untuk membeli rel

daripada pembekal lain selagi rel tersebut mematuhi spesifikasi Vocollect. Pertimbangkan perkara berikut sebelum melekapkan pengecas anda pada dinding.

- Pelanggan perlu memasang rel lekapan dinding.
- Pelanggan menanggung segala tanggungjawab untuk pemasangan unit pengecas.
- Pemasang mesti mengesahkan bahawa pemasangan tersebut mematuhi semua kanun bangunan tempatan.
- Elakkan potensi bahaya (wayar elektrik, garis air dan komponen bangunan yang serupa) apabila menggerudi dinding.
- Elakkan daripada menyekat saluran keluar kuasa dan peranti dinding lain apabila memasang rel dan pengecas.
- Menambatkan rel lekapan dinding dengan stad dinding biasanya menghasilkan pemasangan yang lebih kukuh. Jika anda menggerudi ke dalam stad dinding, jangan gunakan penambat skru di dalam lubang itu.
- Jika anda melekapkan dua pengecas secara bersebelahan, anda mesti meninggalkan ruang sekurang-kurangnya 1 in. (2.54 cm.) di antara kedua-dua unit itu untuk mewujudkan kelegaan bagi lengan pengunci.
- Rel mesti ditambah ke dinding sekurang-kurangnya 12 in. (30.5 cm.) dari lantai untuk membolehkan pemasangan, kedudukan dan penanggalan unit pengecas dengan betul.
- Jika anda melekapkan pengecas betul-betul di atas pengecas lain, Vocollect mengesyorkan kelegaan sekurang-kurangnya 10 in. (25.4 cm.) di antara rel-rel DIN.




Rajah 33: Pengecas SRX2 - pandangan belakang

Nombor Bahagian dalam Gambar Rajah	Penerangan
1	bekalan kuasa
2	penyumbat getah untuk menyamakan kedudukan pengecas pada dinding
3	lengan pengunci untuk mengekalkan pengecas dengan kukuh pada rel DIN
4	cangkuk lekapan untuk menggantung pengecas pada rel DIN
5	port USB untuk naik taraf perisian pengecas

Melekapkan Pengecas Bateri 20 Ruang SRX2

Anda akan memerlukan:

- Rel DIN, keluli berslot 35 mm X 15 mm, # Bahagian Vocollect CM-1000-20-1 atau rel DIN yang dibekalkan oleh pelanggan yang mematuhi spesifikasi berikut

Bilangan pengecas pada rel	Panjang potongan minimum untuk rel	Spesifikasi rel DIN	Rel DIN standard
